



BULETIN

MAJLIS DAERAH

PASIR MAS

- KUNJUNG HORMAT MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU KE MAJLIS DAERAH PASIR MAS

- MAJLIS ANGKAT SUMPAH YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH PASIR MAS

- MAJLIS MALAM APRESIASI PRESTASI SANJUNGAN BUDI DAN LAMBAIAN KASIH

- MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MDPM 2025

- MAJLIS AMANAT YANG DIPERTUA MAJLIS DAERAH PASIR MAS

- MAJLIS BERBUKA PUASA DAN AGHAN BAKUL MAKANAN ANJURAN BERSAMA YAYASAN AMAL ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH

- LAWATAN TAPAK BAGI PEMASANGAN MESIN CASH RECYCLE MACHINE



- FESTIVAL BUNDLE & KESANIAN ANAK MUDA 2.0
- LAWATAN AUDIT BAGI PERTANDINGAN KELANTANKU BERSIH 2025





PERUTUSAN YANG DIPERTUA

YABRs. TUAN HAJI SHAMSUL BIN ABU BAKAR
YANG DIPERTUA MDPM

Assalamualaikum W.B.T,
Salam Sejahtera dan Salam Sehati Sejiwa kepada semua pembaca yang budiman.


Alhamdulillah, syukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan izin-Nya buletin Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) edisi tahun 2025 telah berjaya diterbitkan dan saya mengucapkan terima kasih serta sekalung tahniah kepada sidang redaksi yang telah bertungkus lumus menghasilkan buletin ini bagi memaparkan segala aktiviti yang telah dilaksanakan untuk tatapan semua terutamanya masyarakat di Majlis Daerah Pasir Mas.

Tahun 2025 merupakan tahun yang mencabar kepada seluruh warga kerja MDPM kerana terdapat pelbagai perancangan program dan aktiviti telah diatur sama ada dari pihak Majlis mahupun kerajaan negeri. Pihak pengurusan Majlis juga telah meletakkan sasaran agar perkhidmatan perbandaran dapat dipertingkatkan berbanding tahun lalu bagi memastikan rakyat di Majlis Daerah Pasir Mas berpuas hati dengan mutu perkhidmatan yang diberikan.

Pihak Majlis telah mengambil inisiatif dengan merangka beberapa program bersama penduduk tempatan, JKP, badan kerajaan dan NGO bagi mendapatkan idea dan kaedah pelaksanaan setiap program supaya semua golongan masyarakat dapat turut serta di dalam kempen yang dilaksanakan.

Sama-samalah kita memantapkan hala tuju gerakan Majlis Daerah Pasir Mas dan saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih di atas sokongan dan juga komitmen yang telah dicurahkan oleh setiap individu dalam menjayakan agenda majlis sepanjang tahun 2025.

Sekian, terima kasih.





MAJLIS ANGKAT SUMPAH PENERIMAAN JAWATAN AHLI MAJLIS MDPM 2025



18 Januari 2025

Seramai 24 orang Ahli Majlis telah dilantik oleh Kerajaan Negeri Kelantan bagi mewakili Majlis Daerah Pasir Mas. Majlis Angkat Sumpah Penerimaan Jawatan Ahli Majlis MDPM telah berlangsung di Hotel Renai Kota Bharu di hadapan YABrs Tuan Haji Rusydee Bin Abdullah, Yang Dipertua, MDPM dan disaksikan oleh YBrs Encik Mohd Shuhairy Bin Samsudin, Setiausaha MDPM, YB Haji Mohamad Nasriff Bin Daud (Adun Pengkalan Pasir) dan para pegawai MDPM.

Tahniah diucapkan kepada semua Ahli Majlis yang telah dilantik. Semoga pelantikan ini memberikan harapan baru kepada pembangunan dan kemajuan MDPM.





MAJLIS MALAM APRESIASI PRESTASI SANJUNGAN BUDI DAN LAMBAIAN KASIH



30 Januari 2025

Majlis Malam Apresiasi Prestasi
Sanjungan Budi Dan Lambaian
Kasih Bertempatan Di Hotel H Elite
Kota Bharu.

Majlis Angkat Sumpah Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Mas



16 Februari 2025

*Telah berlangsungnya
Majlis Angkat Sumpah
Yang Dipertua Majlis
Daerah Pasir Mas yang
baru. YABrs. Tn. Hj.
Shamsul bin Abu Bakar.*

Majlis Amanat Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Mas



25 Februari 2025

Majlis amanat Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Mas telah di sampaikan oleh yang dipertua YABrs. Tuan Haji Shamsul bin Abu Bakar di dewan Apam Putra MDPM.



MAJLIS BERBUKA PUASA DAN AGIHAN BAKUL MAKANAN ANJURAN BERSAMA YAYASAN AMAL ALUMNI SEKOLAH ALAM SHAH



06 Mac 2025

Telah berlangsungnya Majlis Berbuka Puasa dan Agihan Bakul Makanan Anjuran Bersama Yayasan Amal Alumni Sekolah Alam Shah (ASAS) bertempat di Dewan Utama Kompleks Apam Putra, Lubok Jong Pasir Mas. Seramai 130 Kakitangan terdiri daripada Unit Kebersihan, Kejuruteraan dan Lanskap telah terpilih menerima sumbangan Bakul Makanan. Turut hadir memeriahkan Majlis tersebut adalah YB Abe Zam, Exco Belia, Sukan, NGO dan Perpaduan Masyarakat yang juga ADUN Apam Putra, YABrs. Tuan Yang Dipertua Majlis Daerah Pasir Mas dan Ahli-Ahli Yayasan Amal ASAS Negeri Kelantan. Terima Kasih kepada YB Abe Zam yang menaja Juadah Berbuka Puasa dan Terima Kasih Yayasan Amal ASAS diatas sumbangan yang diberikan.



FESTIVAL BUNDLE & KESENIAN ANAK MUDA 2.0

Festival Bundle & Kesenian Anak Muda 2.0 telah berjaya dilaksanakan pada 29 hingga 31 Mei 2025 dengan sambutan yang amat menggalakkan.

Pelbagai aktiviti menarik telah diadakan sepanjang penganjuran festival ini, termasuk pengisian seni dan budaya, persembahan bakat anak muda serta penyertaan pelbagai gerai jualan yang memeriahkan suasana.

Program ini bukan sahaja menjadi platform mengetengahkan kreativiti anak muda, malah berjaya menarik penglibatan masyarakat setempat.



KUNJUNG HORMAT MAJLIS DAERAH HULU TERENGGANU KE MAJLIS DAERAH PASIR MAS

08 September 2025

Kunjung Hormat Majlis
Daerah Hulu Terengganu
Ke Majlis Daerah Pasir
Mas.



LAWATAN TAPAK BAGI PEMASANGAN MESIN CASH RECYCLE MACHINE

23 September 2025

Lawatan Tapak bagi Pemasangan
Mesin Cash Recycle Machine
(CRM) Di Bandar Tasek Raja yang
Telah Di Mohon oleh Majlis
Daerah Pasir Mas Untuk
Kemudahan Masyarakat Pasir Mas.



LAWATAN AUDIT BAGI

KELANTAKU BERSIH 2025



07 Oktober 2025

Lawatan audit bagi Pertandingan Kelantanku Bersih 2025 telah berjaya dijalankan dengan lancar. Terima kasih atas kerjasama semua pihak yang sentiasa komited dalam menjayakan usaha menjadikan Kelantan negeri yang bersih, indah dan lestari.





**Majlis Daerah Pasir Mas,
Kompleks Apam Putra,
Bandar Baru Lubok Jong,
17070 Pasir Mas, Kelantan.**

Tel HQ MDPM

: 09-791677 / 09-7916666

Tel Caw. Rantau Panjang

: 09-7950166

Tel Caw. Pasar Tasek Raja

: 09-7904500

Fax HQ MDPM / Emel

: 09-7916999 | mdpm@kelantan.gov.my